



SERI PADUKA TERIMA PINGAT ATM

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

SERI Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung menerima Pingat Panglima Gagah Angkatan Tentera (PGAT) — pingat tertinggi Angkatan Tentera yang pertama kali dianugerahkan — sempena perayaan Jubli Emas Angkatan Tentera 16 September ini.

Pingat itu dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda oleh Perdana Menteri yang juga Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam satu istiadat di Istana Negara pagi semalam.

Turut hadir di istiadat itu ialah Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Ghazali Mahd Seth; Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar dan Panglima-panglima Tentera Darat, Laut dan Udara termasuk isteri masing-masing.

Seramai 201 orang lagi akan menerima pingat-pingat sempena perayaan itu, iaitu empat penerima pingat PGAT, dua pingat Panglima Setia Angkatan Tentera (PSAT), tujuh pingat Pahlawan Angkatan Tentera (PAT), 59 pingat Kesatria Angkatan Tentera (KAT) dan 129 pingat Bentara Angkatan Tentera. — Gambar Berita Harian.